Di Sebalik Tabir Perumusan Dasar Monetari Bank Negara Malaysia



[The Star] ***'Bank Negara raises OPR by 25bps to 2.75%'*** –3 Nov 2022

[Sinar Harian] ***'Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan dasar semalaman (OPR) meningkat dua puluh lima perpuluhan kepada tiga peratus'*** –3 Mei 2023

[Harian Metro] ***'OPR tidak naik, masih 3.0%'*** –7 Sep 2023

[Malay Mail] ***'Bank Negara Malaysia maintains OPR at 3pct'*** –24 Jan 2024



Anda mungkin pernah terbaca tajuk berita sebegini semasa membaca berita atau melayari media sosial. Topik yang sama juga mungkin timbul dalam perbualan anda dengan keluarga dan rakan-rakan. Anda mungkin terfikir tentang siapakah dan apakah 'MPC'? Mengapa MPC yang membuat keputusan ini? Mengapa MPC menaikkan kadar faedah dalam keadaan kos sara hidup yang sudah tinggi? Semua soalan ini patut ditanya dan rencana ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan ini serta isu yang berkaitan. Secara khususnya, rencana ini akan membincangkan tentang Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) dan tugas mereka serta mengulas 'di sebalik tabir' persiapan mesyuarat MPC.

Bahagian I: MPC – Apakah MPC dan tugas mereka?

Mari kita mulakan dengan gambaran yang menyeluruh. BNM mempunyai tanggungjawab untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan, serta memupuk sektor kewangan yang kukuh dan progresif bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan. Secara ringkas, kestabilan monetari bermaksud mengawal kenaikan harga supaya ekonomi boleh berkembang secara berterusan dalam jangka panjang. Harga yang stabil mewujudkan persekitaran yang boleh dipercayai untuk pelaburan dan perbelanjaan. Hal ini sangat penting untuk pertumbuhan jangka panjang dan penciptaan pekerjaan. Walau bagaimanapun, meskipun harga yang stabil adalah penting, hal ini hanyalah satu faktor ke arah ekonomi yang kukuh. Bagi BNM, sebuah jawatankuasa yang berdedikasi dipertanggungjawabkan dengan mandat untuk menggalakkan kestabilan monetari ini, iaitu Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC). MPC menetapkan dasar monetari[1] dengan membuat pelarasan terhadap Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR).[2] Rencana ulang kaji pendek di bawah memperincikan kepentingan kestabilan harga serta kesan yang berlaku apabila OPR berubah.

[1] Dasar monetari ialah tindakan yang diambil oleh BNM untuk mempengaruhi kadar faedah dalam ekonomi.
[2] OPR ialah kadar faedah dasar BNM yang mempengaruhi, antara lainnya, kadar pinjaman dan pembiayaan bank-bank, serta kadar deposit. Hal ini bermakna walaupun anda tidak mempunyai pinjaman, perubahan dalam OPR masih boleh memberikan kesan terhadap anda melalui perubahan dalam pulangan untuk deposit dan simpanan, antara lain. Perubahan dalam OPR mempengaruhi aktiviti ekonomi dan perubahan tahap harga keseluruhan, biasanya dengan mempengaruhi kadar faedah dalam ekonomi.

Mari kita kaji beberapa konsep utama dasar monetari.

Mengapakah kestabilan harga penting?



- Apabila inflasi rendah dan stabil, perubahan tahap harga keseluruhan juga adalah stabil dan boleh dijangka. Hal ini penting kerana jika harga sentiasa berubah dan sukar dijangka, isi rumah dan perniagaan akan sukar untuk merancang jumlah perbelanjaan, simpanan atau pelaburan. Hal ini seterusnya akan memberikan kesan terhadap kegiatan dan pertumbuhan ekonomi.
- Apabila harga meningkat dengan cepat atau ketara, kuasa beli pengguna akan terjejas. Inflasi yang tinggi dan tidak menentu memberikan kesan terhadap semua pengguna dan yang paling terjejas ialah isi rumah berpendapatan rendah. Berbanding dengan kumpulan berpendapatan lebih tinggi, sebahagian besar daripada perbelanjaan mereka adalah untuk pembelian keperluan seperti makanan dan perumahan.
- Inflasi yang tinggi juga menyukarkan perniagaan yang mungkin berhadapan dengan kos yang lebih tinggi untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan, atau jualan yang lebih rendah kerana harga yang tinggi menjejaskan permintaan pengguna. Keadaan ini seterusnya boleh memberi kesan kepada jualan dan keuntungan perniagaan. Apabila harga kerap berubah, perniagaan juga sukar untuk merancang dan melabur untuk masa hadapan. Bagi penabung dan pesara, inflasi yang tinggi juga menjejaskan simpanan mereka. Kenaikan harga yang mendadak akan mengurangkan kuasa beli simpanan dengan cepat.
- Sebaliknya, jika harga keseluruhan jatuh dalam tempoh yang lama juga tidak bagus. Keadaan ini dikenali sebagai deflasi, iaitu keadaan yang teruk disebabkan oleh permintaan yang berkurang dengan ketara. Apabila keadaan ini berlaku, banyak individu akan kehilangan pekerjaan serta wujud lebih banyak ketidaktentuan dan tekanan kewangan. Akibatnya, pelaburan dan perbelanjaan akan menjadi lebih rendah. Perniagaan perlu menurunkan harga untuk menarik pengguna tetapi orang ramai tidak akan berbelanja berikutan keadaan kewangan yang tidak menentu dan mereka menunggu untuk harga terus turun. Sama seperti inflasi yang tinggi, deflasi juga menjejaskan ekonomi.

Apakah yang berlaku apabila MPC melaraskan OPR?



- Apabila MPC membuat keputusan untuk menaikkan OPR, kadar faedah yang lebih tinggi bagi simpanan dan pinjaman akan mempengaruhi orang ramai untuk lebih menyimpan dan kurang berbelanja. Sebagai contoh, apabila permintaan untuk barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi melebihi bekalan yang tersedia, harga akan terus meningkat. OPR yang lebih tinggi akan membantu untuk memperlahankan permintaan. Hal ini menyebabkan permintaan lebih setara dengan bekalan dan harga akan meningkat dengan lebih perlahan.
- Keadaan sebaliknya berlaku apabila MPC memutuskan untuk mengurangkan OPR. Kadar faedah yang lebih rendah bagi pinjaman dan simpanan akan menyebabkan orang ramai kurang menyimpan dan lebih banyak berbelanja. Hal ini meningkatkan kegiatan ekonomi dan mengelakkan tahap harga keseluruhan dari jatuh disebabkan oleh permintaan yang lemah, yang jika tidak dibendung akan menjejaskan ekonomi.
- Penting untuk difahami bahawa OPR merupakan 'alat tumpul' (alat dasar yang memberikan kesan meluas). Walaupun MPC cuba mengekalkan harga yang stabil dan memastikan ekonomi berkembang dengan baik mengikut masa, tindakannya tidak menjejaskan semua individu dengan cara yang sama. Dasar monetari tidak boleh menyasarkan sebahagian tertentu ekonomi dengan tepat, tetapi ia diperlukan untuk menetapkan keadaan kadar faedah keseluruhan.

Sumber: Diadaptasi daripada Soalan Lazim Dasar Monetari BNM (https://www.bnm.gov.my/monetary-stability#mpfaq)



MPC dipengerusikan oleh Gabenor dan ahli-ahlinya terdiri daripada Timbalan-timbalan Gabenor dan tidak lebih daripada tujuh ahli lain. Komposisi keahlian MPC bertujuan untuk memastikan pelbagai kepakaran teknikal dan perspektif yang meluas dalam perbincangan dasar monetari dan bukannya mewakili kumpulan berkepentingan tertentu. Sejak tahun 2015, individu luar BNM juga telah menganggotai MPC, yang dikenali sebagai ahli luar MPC. Penyertaan ahli luar sangat bermanfaat kerana mereka dapat memberikan pandangan dari pelbagai perspektif, mempunyai pengetahuan khusus serta menyumbangkan pemahaman tambahan dalam mesyuarat ketika membuat keputusan tentang dasar monetari. Hal ini memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh dan mencukupi tentang pelbagai isu yang melengkapi kepakaran ahli MPC dalaman.

Bahagian II: Apakah yang dipertimbangkan dalam keputusan OPR?

Bagi memahami cara keputusan OPR dilakukan, hal ini boleh difahami melalui dua bahagian penting: i) **analisis** – bidang yang dianalisis dan diunjurkan oleh MPC dan ii) **proses** – proses langkah demi langkah daripada pengumpulan maklumat sehingga keputusan dasar yang muktamad.

Analisis

Pada asasnya, soalan lazim yang dipertimbangkan oleh MPC untuk setiap mesyuarat ialah:

Bagaimana keadaan ekonomi?	Ke mana arah ekonomi?	Bagaimana dasar monetari harus bertindak?
		
Perkembagan pertumbuhan dan inflasi	***Tinjauan pertumbuhan dan inflasi***	***Strategi dasar monetari***

Dalam usaha untuk mengekalkan harga yang rendah dan stabil sambil memupuk ekonomi yang semakin berkembang dalam jangka panjang, panduan MPC dari segi pemboleh ubah ekonomi ialah pertumbuhan dan inflasi. Yang penting, MPC sentiasa berpandangan ke masa hadapan apabila menetapkan dasar monetari kerana kesan pelarasan OPR terhadap kegiatan ekonomi dan inflasi tidak berlaku dalam sekelip mata. Menurut beberapa anggaran, dasar monetari boleh mengambil masa hingga dua tahun untuk menunjukkan kesan yang paling ketara terhadap ekonomi.[3] Oleh itu, penting bagi MPC untuk memahami prospek pertumbuhan dan inflasi.

[3] Sebagai contoh, European Central Bank menyatakan bahawa dasar monetari yang lebih ketat boleh mengambil masa hampir dua tahun untuk memberikan kesan yang paling ketara terhadap inflasi, iaitu keadaan yang sama bagi Malaysia.

MPC sentiasa berpandangan ke masa hadapan apabila menetapkan dasar monetari kerana kesan pelarasan OPR terhadap kegiatan ekonomi dan inflasi tidak berlaku dalam sekelip mata

Bahagian penting dalam menilai prospek adalah memahami prestasi ekonomi semasa. MPC mempertimbangkan bidang yang merangkumi perkembangan dan prospek ekonomi, monetari dan pasaran kewangan terkini. MPC memanfaatkan pelbagai maklumat dan pandangan yang meliputi data dan maklumat dalaman, kepakaran kakitangan BNM, maklumat daripada libat urus dengan pelbagai peserta ekonomi, seperti isi rumah, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), dan syarikat korporat besar, serta hasil penyelidikan akademik. Sumber-sumber ini digunakan seiring dengan data dan maklumat daripada agensi Kerajaan seperti Jabatan Perangkaan Malaysia, selain analisis dan unjuran daripada bank pusat lain, institusi antarabangsa dan pakar ekonomi dari sektor swasta.

Gambar Rajah 1 memberikan gambaran yang menyeluruh tentang bidang pengawasan yang diselia oleh kakitangan BNM.[4] Penilaian pertumbuhan ekonomi bermula dengan ekonomi global. Penilaian ini penting kerana Malaysia ialah sebuah ekonomi kecil dan terbuka serta dipengaruhi oleh perkembangan di luar sempadan negara. Bagi ekonomi dalam negeri, kakitangan BNM akan meneliti bidang yang merangkumi penggunaan, pelaburan dan perdagangan, antara lain.

Inflasi, iaitu kenaikan paras harga keseluruhan barangan dan perkhidmatan, merupakan satu lagi aspek penting untuk dinilai. Memahami dinamik inflasi sangat penting kerana inflasi mempengaruhi kuasa beli secara langsung dan cara pengguna membelanjakan wang. Bagi perniagaan, inflasi akan menentukan jumlah kos untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan. Di bawah pengawasan BNM, pelbagai penunjuk yang meluas dipantau termasuk ukuran harga utama seperti Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar, faktor yang mempengaruhi permintaan dan penawaran, serta jangkaan inflasi yang diukur melalui Kaji Selidik Sentimen Pengguna (Consumer Sentiment Survey, CSS) BNM.[5]

Gambar Rajah 1: Gambaran Keseluruhan Bidang Pemantauan Utama dan Penunjuk Utama Terpilih



Nota: Senarai ini tidak menyeluruh

Sumber: Bank Negara Malaysia

[4] Kakitangan khususnya daripada jabatan yang memberikan tumpuan terhadap dasar monetari, ekonomi dan operasi pelaburan dan pasaran kewangan di BNM.

[5] CSS, yang bermula pada tahun 2013, menggambarkan pendapat isi rumah tentang pertumbuhan ekonomi, inflasi, upah dan kos pinjaman. Hal ini penting kerana jangkaan mungkin mempengaruhi keputusan perbelanjaan orang ramai, dan seterusnya memberikan kesan kepada ekonomi.

Penilaian pasaran kewangan juga diambil kira kerana pasaran dan institusi kewangan merupakan saluran penting untuk dasar monetari mempengaruhi ekonomi. Prestasi pasaran dan institusi kewangan berkait rapat dengan trend dan keadaan ekonomi global, serta mempengaruhi mudah tunai, kadar faedah dan ketersediaan kredit yang merupakan faktor penting untuk perniagaan dan pengguna. Kakitangan BNM juga menilai keadaan pembiayaan domestik termasuk kadar pinjaman, ketersediaan kredit untuk peminjam dan kewujudan ketidakseimbangan kewangan.

Walaupun perkembangan ini memberikan maklumat tentang keadaan ekonomi semasa, ia juga menyumbang kepada penyelesaian bagi persoalan tentang arah ekonomi melalui latihan unjuran. Unjuran ini, dibangunkan oleh kakitangan dengan bantuan model teknikal dan pertimbangan kakitangan BNM, menjangkakan prestasi ekonomi pada masa hadapan. Sebagai contoh, terdapat angka-angka yang menunjukkan inflasi dan pertumbuhan ekonomi yang dianggarkan dalam beberapa suku atau tahun akan datang. Walau bagaimanapun, unjuran tidak semestinya sentiasa tepat. Unjuran ini kerap dikemas kini untuk mencerminkan maklumat baharu, terutamanya apabila terdapat banyak ketidakpastian. Namun, walaupun tidak tepat 100%, unjuran memberikan panduan yang baik untuk ahli MPC membentuk pandangan mereka tentang tindakan dasar monetari yang sesuai.



Penilaian utama sememangnya berdasarkan data dan model. Walau bagaimanapun, integrasi pemahaman peringkat lapangan adalah penting untuk mendapatkan pemahaman awal dan lebih baik tentang prospek ekonomi. Pandangan ini diperoleh daripada pasukan Pengawasan Ekonomi Wilayah BNM. Pasukan ini ditempatkan di hab ekonomi utama di seluruh negara,[6] meliputi pengawasan di kawasan sekitar. Pegawai perhubungan ekonomi BNM kerap melakukan libat urus dengan peserta industri dan perniagaan untuk meneliti prospek ekonomi dan inflasi, sentimen dan strategi perniagaan mereka. Pengawasan ini membolehkan MPC memahami cara perkembangan pembangunan dan dasar dalam negeri memberikan kesan terhadap pelbagai sektor ekonomi. Pergantungan kepada pemahaman secara langsung sebegini merupakan titik kaitan penting yang menghubungkan MPC dengan maklumat tepat pada masanya, berpandangan ke hadapan dan kualitatif yang menjadi pelengkap kepada bahagian yang tidak diliputi oleh statistik.[7]

Akhir sekali, kakitangan BNM mengumpulkan maklumat yang berkaitan untuk memaklumkan strategi dasar monetari. Hal ini melibatkan penilaian imbangan risiko terhadap pertumbuhan dan inflasi serta menjalankan analisis senario. Kakitangan BNM juga menggariskan aspek strategi komunikasi dasar monetari.

Yang penting, setiap bidang penilaian ini berfungsi sebagai sebahagian daripada gambaran yang menyeluruh tentang landskap ekonomi Malaysia dan arah tujunya, serta cara dasar monetari perlu bertindak balas. Bergantung pada keadaan, sesetengah mesyuarat MPC mungkin meneliti isu atau penyelidikan tertentu.

Selepas mengambil kira semua maklumat, MPC akan membuat keputusan secara autonomi. Walaupun proses ini jauh lebih mendalam dan terperinci, hal yang paling penting adalah keseimbangan risiko terhadap pertumbuhan dalam negeri dan inflasi.

Jawatankuasa Dasar Monetari membuat keputusan tentang dasar monetari secara autonomi

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, MPC didorong oleh matlamatnya untuk mengekalkan harga yang stabil dan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Jika inflasi berkemungkinan menjadi terlalu tinggi untuk jangka masa yang panjang manakala tanda-tanda menunjukkan pertumbuhan yang kukuh, MPC lazimnya akan mengetatkan dasar

[6] Johor Bahru, Kuala Terengganu, Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kuching.
[7] Untuk butiran lanjut, rujuk rencana dalam Laporan Tahunan 2013 yang bertajuk 'Memperluas Pengawasan Ekonomi Melalui Pejabat Wilayah Bank Negara Malaysia' (https://www.bnm.gov.my/documents/20124/830798/cp01_002_rencana.pdf).

monetari dengan meningkatkan OPR. Dalam menilai prospek inflasi, pendorong inflasi merupakan perkara yang penting bagi MPC, sama ada unjuran inflasi yang lebih tinggi berpunca daripada permintaan pengguna yang lebih tinggi atau disebabkan oleh kos pembuatan barangan yang telah meningkat. Pemahaman terhadap asal isu tersebut adalah penting kerana dasar monetari merupakan cara paling berkesan dalam menangani inflasi yang didorong oleh permintaan.[8] Sementara itu, dasar monetari yang lebih longgar (iaitu kadar dasar yang lebih rendah) diperlukan dalam keadaan pertumbuhan yang lemah dan inflasi yang rendah. Ini akan membantu merangsang pertumbuhan dan mengelakkan deflasi yang tidak diingini. Terdapat juga risiko jika OPR dikekalkan terlalu rendah pada masa yang terlalu lama. Tindakan sebegini ketika ekonomi sedang kukuh boleh menyebabkan inflasi yang lebih tinggi. Keadaan ini boleh menggalakkan peminjaman yang berlebihan oleh individu dan perniagaan yang berpotensi untuk menyebabkan ketidakseimbangan kewangan.

Pelarasan OPR berikutan pemulihan ekonomi pada tahun 2022 memberikan contoh pertimbangan MPC yang sebenar. Semasa krisis COVID-19 pada tahun 2020, MPC menurunkan OPR daripada 3.00% kepada paras terendah dalam sejarah iaitu 1.75% untuk membantu ekonomi kekal bertahan. Menjelang tahun 2022, lebih banyak tanda-tanda pemulihan yang ketara telah muncul apabila sekatan pergerakan ditamatkan. Oleh itu, MPC jelas bahawa ekonomi berada pada kedudukan yang lebih kukuh.

MPC menilai bahawa sokongan dasar monetari yang besar yang diberikan semasa krisis COVID-19 wajar dilaraskan. MPC lantas menaikkan OPR secara beransur-ansur hingga mencapai 3.00%, satu langkah yang juga akan membendung risiko ketidakseimbangan kewangan disebabkan oleh kadar rendah yang berpanjangan. Dalam persekitaran kos yang tinggi, MPC juga mula melihat tanda-tanda awal inflasi yang disebabkan oleh permintaan yang meningkat. Oleh itu, MPC berpandangan bahawa kenaikan OPR juga diperlukan bagi mengelakkan tekanan harga daripada semakin meningkat dan menjejaskan isi rumah dan perniagaan.

Namun, ada kalanya keputusan dasar monetari bukanlah dibuat secara jelas dan mudah. Ekonomi mungkin menghadapi tempoh pertumbuhan yang rendah dan inflasi yang tinggi, lantas menimbulkan dilema apabila tindakan menurunkan OPR boleh menggalakkan pertumbuhan tetapi berisiko meningkatkan lagi inflasi. Dalam kes sedemikian, MPC perlu meneliti keseimbangan yang rapi antara merangsang pertumbuhan dengan mengawal inflasi.[9] Di samping itu, penyelarasan dengan dasar fiskal adalah penting. Dasar monetari dan dasar fiskal perlu saling melengkapi bagi memastikan pendekatan yang lebih berkesan dan terselaras untuk mencapai ekonomi yang kukuh.[10]

---

[8] Ada kalanya kos yang lebih tinggi mencetuskan kesan yang beriak, yang menyebabkan satu siri kenaikan harga lain di seluruh ekonomi (termasuk keadaan apabila pekerja menuntut upah yang lebih tinggi). Dalam kes ini, dasar monetari akan dapat menangani inflasi yang lebih tinggi dengan berkesan.

[9] Selain itu, mungkin ada kalanya keputusan dasar monetari mempengaruhi mandat BNM yang lain, seperti kestabilan kewangan, yang boleh menimbulkan satu lagi pertimbangan tukar ganti. Untuk butiran lanjut tentang pertimbangan tersebut, rujuk rencana dalam Laporan Tahunan 2014 yang bertajuk 'Ketidakseimbangan Kewangan dan Tindak Balas Dasar di Malaysia' (https://www.bnm.gov.my/documents/20124/830710/cp03_001_rencana.pdf).

[10] Untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang topik ini, rujuk rencana dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2023 yang bertajuk 'Mengendalikan Kitaran Ekonomi: Interaksi Antara Dasar Monetari dengan Dasar Fiskal'.

Proses

Memandangkan kita telah meneroka kandungan penilaian MPC, kini mari kita meneliti cara semua tindakan dilaksanakan. MPC bermesyuarat sekurang-kurangnya enam kali setahun untuk membincangkan dan membuat keputusan tentang OPR. Mesyuarat MPC dijadualkan dan diumumkan awal dengan tarikh untuk mesyuarat pada setiap tahun diumumkan kepada orang ramai pada setiap akhir tahun sebelumnya.

Gambar Rajah 2: Proses Membuat Keputusan oleh MPC Bank Negara Malaysia



Langkah 1 – Menyusun analisis:
Setiap kitaran MPC bermula kira-kira enam minggu sebelum mesyuarat MPC. Langkah pertama ialah menyusun analisis dan penyelidikan yang telah dinyatakan sebelum ini. Beberapa siri perbincangan dilakukan merentas jabatan untuk memastikan setiap analisis dinilai dengan mantap serta isi kandungan yang konsisten. Setelah diperhalusi, penilaian dibentangkan pada mesyuarat Kumpulan Kerja Dasar Monetari (Monetary Policy Working Group, MPWG).

Langkah 2 – Mesyuarat MPWG:
Sejak tahun 2002, MPWG telah menjadi forum dalaman yang membincangkan penilaian kakitangan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan pasaran kewangan terkini, isu dasar dan hasil penyelidikan, sebelum dibentangkan kepada MPC. MPWG memastikan bahawa perspektif semua bahagian dalaman BNM yang berkaitan telah dipertimbangkan. MPWG dipengerusikan oleh Penolong Gabenor yang menyelia sektor ekonomi dan ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada pengarah jabatan yang mempunyai tumpuan terhadap dasar monetari, ekonomi, operasi pelaburan dan pasaran kewangan, pengawasan kewangan dan pentadbiran pertukaran asing.

Semasa pembentangan, ahli-ahli MPWG membincangkan kemungkinan trajektori, risiko utama dan ketidakpastian dalam prospek ekonomi. Mereka memberikan maklum balas tentang unjuran dan kadangkala meminta kakitangan untuk mempertimbangkan andaian lain atau senario alternatif. Perbincangan ini berfungsi sebagai rujukan utama yang kemudiannya menjadi jangkaan garis dasar untuk MPC.

Langkah 3 – Selepas mesyuarat MPWG:
Selepas mesyuarat MPWG, kakitangan memperhalusi analisis mereka berdasarkan maklum balas yang diterima. Mereka juga mengemas kini penilaian dengan data terkini sebelum mesyuarat MPC untuk memastikan bahawa semua analisis adalah terkini dan menyeluruh. Apabila penilaian telah dimuktamadkan, langkah seterusnya ialah memberikan taklimat kepada ahli-ahli MPC.

Langkah 4 – Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC):
Mesyuarat MPC bermula dengan sesi satu hari pertama yang terdiri daripada pembentangan terperinci mengenai ekonomi, unjuran utama dan strategi dasar monetari. Pembentangan ini melibatkan bidang yang dibincangkan dalam Bahagian II, seperti perkembangan pasaran kewangan dan keadaan pembiayaan, prospek ekonomi global dan dalam negeri serta prospek inflasi. Pada sesi kedua, ahli-ahli MPC berkumpul semula untuk membincangkan keputusan dasar monetari, dengan setiap ahli berkongsi pandangan dan pendirian mereka. Hanya pada hari ini keputusan muktamad dibincangkan dan dibuat. Keputusan MPC BNM dibuat secara kolektif melalui perbincangan dan persetujuan bersama. Apabila persetujuan bersama tidak dapat dicapai, keputusan akan dibuat berdasarkan undi majoriti.[11]

Langkah 5 – Menyampaikan keputusan:
Setelah keputusan dasar monetari dibuat, langkah penting seterusnya adalah mengumumkannya kepada orang ramai. Langkah ini dilakukan terutamanya melalui Pernyataan Dasar Monetari. Platform lain juga digunakan untuk berhubung dengan orang ramai. Kami akan menerangkan platform lain ini dengan lebih lanjut dalam bahagian seterusnya.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bahagian III: Bagaimanakah MPC menyampaikan keputusan dasar monetari kepada pihak berkepentingan?

Kita telah meneliti bidang penilaian berbeza yang dipertimbangkan oleh MPC. Oleh itu, mari kita beralih kepada perkara yang berlaku selepas keputusan OPR dibuat. Langkah penting seterusnya ialah menyampaikan keputusan ini kepada orang ramai. Komunikasi berkaitan keputusan OPR adalah penting kerana ini juga akan membentuk cara isi rumah, perniagaan dan pelabur menilai masa hadapan ekonomi, yang mempengaruhi perbelanjaan dan pelaburan mereka. Apabila orang ramai memahami ekonomi dan dasar monetari dengan lebih baik, mereka boleh membuat pilihan kewangan dengan lebih bermaklumat. Hal ini dapat membantu untuk mencapai hasil yang disasarkan oleh MPC.

MPC mengumumkan keputusannya terutamanya melalui Pernyataaan Dasar Monetari (Monetary Policy Statement, MPS, rujuk Gambar Rajah 3). MPS ialah siaran akhbar daripada MPC, yang menyatakan keputusan dasar monetari serta sebabnya kepada pihak berkepentingan. Pernyataan ini menetapkan penilaian MPC tentang prestasi ekonomi pada peringkat global dan dalam negeri, serta memberikan pandangan tentang jangkaan MPC terhadap inflasi dan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada masa hadapan. MPS diumumkan melalui laman web BNM selepas mesyuarat MPC.

[11] Untuk butiran lanjut, rujuk rencana dalam Laporan Tahunan 2015 bertajuk 'Evolusi Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia: Peristiwa Penting Sejak Penubuhannya' (https://www.bnm.gov.my/documents/20124/830675/cp03_001_rencana.pdf).

Gambar Rajah 3: Merungkai Butiran MPS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Selain MPS, maklumat tentang dasar monetari disampaikan secara lebih meluas melalui pelbagai saluran lain. Saluran ini termasuk sidang akhbar yang secara lazimnya diadakan selepas penerbitan laporan utama seperti Buletin Suku Tahunan dan Laporan Tahunan. Dalam sesi ini, BNM menjawab soalan tentang dasar monetari untuk memberikan penjelasan lanjut dan lebih mendalam. BNM juga melaksanakan sesi libat urus dengan penganalisis, media dan pegawai Kerajaan sebagai sebahagian daripada pendekatan komunikasi. Sebagai contoh, taklimat untuk penganalisis, pengamal industri dan ahli akademik diadakan selepas kebanyakan mesyuarat MPC. Libat urus ini menawarkan pemahaman yang lebih mendalam tentang perincian keputusan dasar monetari dan prospek ekonomi. Taklimat seperti ini membantu untuk memupuk dialog terbuka, memupuk kepercayaan dan ketelusan antara MPC dengan pihak berkepentingan.

Memandangkan dasar monetari memberikan kesan terhadap setiap orang, MPC komited untuk memastikan keputusannya dapat difahami dengan lebih mudah. Bagi mencapai usaha ini, beberapa langkah telah dilaksanakan. Satu contoh adalah Ringkasan Pernyataan Dasar Monetari yang dikeluarkan bersama-sama dengan MPS. Ringkasan ini memperincikan faktor-faktor utama keputusan dasar monetari dengan lebih pendek. Halaman Kestabilan Monetari dalam laman sesawang BNM[12] juga menjelaskan dasar monetari dengan lebih mudah, meliputi faktor-faktor di sebalik keputusan dasar monetari dan soalan lazim berkaitan topik yang relevan. Melalui ketelusan keputusan dasar monetarinya, MPC bertanggungjawab terhadap orang ramai tentang keputusan yang dibuat serta kesannya.

Kesimpulan

Tuntasnya, melalui analisis dan pertimbangan yang teliti, MPC memastikan bahawa dasar-dasarnya tertumpu pada pelaksanaan mandat untuk mengekalkan kestabilan harga dan pada masa yang sama memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap perkembangan ekonomi. Secara kesimpulan, MPC terus komited sebagai pemegang amanah untuk memastikan kesejahteraan ekonomi negara.

[12] https://www.bnm.gov.my/monetary-stability